

21 NOV 1997

Nik Aziz-NEAC

NIK AZIZ SETUJU PENUBUHAN NEAC

KOTA BAHARU, 21 Nov (Bernama) -- Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyambut baik langkah kerajaan menubuhkan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) dengan harapan ia mampu memulihkan ekonomi negara.

Beliau berkata penubuhan NEAC itu selaras dengan tuntutan Islam dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi negara.

"Mungkin pada dasarnya penubuhan majlis itu hendak kawal kewangan supaya tidak membazir...saya setuju (penubuhan NEAC)," katanya di sini, hari ini.

Malam tadi, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan penubuhan NEAC berkata ia adalah pendekatan yang pernah digunakan kerajaan semasa darurat berikutan peristiwa berdarah 13 Mei 1969 yang mana negara diletakkan di bawah Majlis Gerakan Negara (Mageran).

Hari ini, Dr Mahathir menjelaskan bahawa NEAC yang akan ditubuhkan bulan depan ialah badan yang saling bekerjasama dengan kabinet dan bukan mengambil alih peranannya.

Nik Aziz, yang juga Menteri Besar Kelantan, berkata beliau ingin mengetahui lebih lanjut bagaimana majlis itu bertindak untuk menangani masalah yang dihadapi sekarang.

Katanya, tindakan untuk membasmi pembaziran dan menyelesaikan masalah negara mesti dilakukan terus menerus dan bukan dalam keadaan darurat sahaja.

Beliau berkata kerajaan negeri pimpinan Pas mengamalkan dasar yang boleh mengelakkan masalah ekonomi negeri seperti langkah jimat-cermat sejak sekian lama. -- BERNAMA

BD AKD